

# Zainuddin temui Dr. Mahathir, luahkan perasaan

KUALA LUMPUR 27 Jun - Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata beliau telah menemui Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi memaklumkan sendiri mengenai perasaan peribadinya berhubung tindakan bekas Perdana Menteri itu mengkritik kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada pertemuan Ahad lepas itu, Zainuddin mengakui secara ikhlas telah meluahkan perasaan hati kalangan orang ramai dan, akar umbi UMNO terhadap perkembangan tidak sihat itu.

"Bagaimanapun saya dapati Dr. Mahathir telah *made-up his mind*

(berpendirian muktamad).

"Saya terus bercakap dan dia tidak marah... reaksinya seperti yang kita baca dalam akhbar. Dia tak komen, malah dia percaya apa yang dia buat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Rangkaian Berita Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NNN) yang dikendalikan *Bername*, di sini hari ini.

Menurutnya, pertemuan dua mata secara kebetulan itu berlangsung ketika menyaksikan kejohanan perlumbaan kereta GT Japan di Litar Sepang.

Zainuddin berkata, beliau turut menyuarakan kebimbangan yang dikongsi ramai bahawa jika keadaan

berterusan, ia hanya akan merosakkan reputasi Dr. Mahathir yang pernah memimpin negara ini selama 22 tahun.

"Saya cakap dengan ikhlas dan beritahu bahawa semakin banyak beliau (Dr. Mahathir) membuat kenyataan dan semakin jauh dia campur dalam soal politik negara dan pentadbiran negara, semakin beliau melukakan hatinya sendiri.

"Juga akan menyebabkan terhakis kedudukannya sendiri yang agung, reputasinya dan nama besarnya. Sebab dalam politik seperti yang dia juga percaya, tidak ada kawan yang kekal dan musuh yang kekal dalam

politik," kata Zainuddin yang mengakui masih menganggap Dr. Mahathir yang dikenalnya lebih 40 tahun lepas, iaitu sejak bertugas sebagai wartawan di Kedah, sebagai ketuanya.

## Profesional

Zainuddin berkata, walaupun sebagai menteri kabinet, kenyataannya kepada Dr. Mahathir dibuat dalam konteks lebih sebagai "seorang wartawan".

"Biarlah apa orang nak kata, tapi saya tak ada musuh.

"Saya seorang profesional dan saya

buat apa yang parti dan kerajaan hendak secara profesional... saya yakin pada Pak Lah dan apa yang beliau lakukan," katanya.

Ditanya sama ada beliau yang mengenali secara rapat Dr. Mahathir dan Abdullah sanggup untuk menjadi orang tengah bagi mencari penyelesaian perkara itu jika Umno memerlukan, Zainuddin berkata, beliau bukan orang yang layak melakukannya kerana tidak mempunyai jawatan parti, termasuk tidak menganggotai Majlis Tertinggi Umno.

"Untuk parti saya mungkin bersedia tapi mungkin (peranan) saya tidak berkesan," katanya.

Zainuddin juga turut mengenang pelbagai krisis kepimpinan yang pernah dihadapi negara sebelum ini seperti krisis bekas Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dan Dr. Mahathir serta semasa penubuhan UMNO melibatkan Datuk Onn Jaafar, namun kesemuanya berakhir dengan baik.

Katanya, krisis seperti itu biasa dalam dunia politik, termasuk di luar negara.

Beliau berkata, semua pihak perlu menerima hakikat bahawa dunia kian berubah dan pandangan manusia juga berubah berdasarkan situasi baru.

- B e r n a m a